



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "ISRAK MIKRAJ: PENGAJARAN DARI BUMI AL-AQSA"

24 Januari 2025 / 24 Rejab 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي وَهَبَنَا الْأَمْنَ فِي الْأَوْطَانِ، وَالصِّحَّةَ فِي الْأَبْدَانِ، وَرَزَقَنَا نِعْمَةَ الْإِيمَانِ،  
وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى سَيِّدِ وَلَدِ عَدْنَانَ، الْمُرْسَلِ بِالْقُرْآنِ، إِلَى الثَّقَلَيْنِ الْإِنْسِ وَالْجَانِّ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup>  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati Ilahi,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### "ISRAK MIKRAJ: PENGAJARAN DARI BUMI AL-AQSA"

Firman Allah SWT, ayat pertama surah al-Isra':

﴿سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ  
لَنُرِيَهُ مِنْ أَيْنَ نَبَأْنَاهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾﴾

Bermaksud: Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba Nya (Muhammad) pada suatu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin) yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Umat Islam di Malaysia menyambut peristiwa Israk Mikraj pada hari Isnin 27 Rejab 1446 Hijrah bersamaan 27 Januari 2025 Masihi. Peristiwa ini mengingatkan kita betapa agungnya kekuasaan Allah SWT; terkandung pelbagai hikmah dan pengajaran yang boleh dirungkaikan untuk dihayati dan direnungi demi kebaikan umat Islam.

Semasa peristiwa Israk dan Mikraj, Nabi Muhammad SAW diangkat ke Sidratul Muntaha dan di sanalah Allah SWT secara langsung tanpa perantaraan Malaikat Jibrail AS memerintahkan umat Islam mengerjakan solat lima waktu sehari semalam. Perintah solat yang disampaikan secara langsung kepada Rasulullah SAW menandakan ketinggian ibadah solat dalam Islam; kewajipan yang wajib dipelihara sebaiknya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةَ، فَإِنْ صَلَحَتْ صَلَحَ سَائِرُ عَمَلِهِ، وَإِنْ فَسَدَتْ فَسَدَ سَائِرُ عَمَلِهِ

Bermaksud: Sesungguhnya amalan pertama seorang hamba yang dihisab pada hari kiamat adalah solat. Jika solatnya baik, maka baiklah seluruh amalannya, dan jika solatnya rosak, maka rosaklah seluruh amalannya. (Hadis riwayat At-Tabrani)

Oleh itu, hayatilah perintah yang disampaikan secara langsung kepada Rasulullah SAW. Solat ialah tiang agama, kewajipan yang wajib dipenuhi mengikut waktu yang ditetapkan. Dalam apa juga keadaan, solat hendaklah diutamakan, tidak boleh diabaikan, tidak boleh diringankan kerana solat ialah amalan pertama yang bakal dihisab di Padang Mahsyar.

### **Jemaah yang dikurniai fadilat Ilahi,**

Masjid al-Aqsa dipilih oleh Allah SWT sebagai tempat persinggahan Rasulullah SAW ketika peristiwa Israk Mikraj. Masjid al-Aqsa yang terletak di Bumi Palestin ialah kiblat pertama umat Islam, merupakan tanah suci umat Islam, bumi yang dikaitkan dengan sejarah para Rasul dan Nabi; bumi yang mempunyai nilai mendalam dalam sanubari umat Islam.

Bersempena tarikh berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj, marilah kita mengimbas dan merenung akan keadaan sedih, dan penderitaan ummah yang sedang berlaku di bumi Palestin, bumi para anbia, bumi terletaknya Masjid al-Aqsa. Mimbar menyenaraikan beberapa pengajaran dan peringatan:



**Pertama:** Perjuangan membebaskan Masjid al-Aqsa menjadi lambang perjuangan menentang penindasan, kezaliman, ketidakadilan dan pelanggaran hak asasi manusia.

**Kedua:** Pentingnya dipupuk dan diutamakan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Di Palestin, berlaku perpecahan dalaman antara beberapa kumpulan politik. Keadaan tersebut selain memberikan kesan negatif kepada negara dan rakyat Palestin, telah membuka ruang kepada pihak musuh mengambil kesempatan untuk melemahkan perjuangan rakyat Palestin. Oleh itu, dalam menghadapi apa jua cabaran yang berpotensi menggugat perpaduan; sama ada perbezaan fahaman dan kabilah politik atau manhaj akidah, umat Islam di Malaysia wajib mengutamakan semangat ukhuwah Islamiah yang menjadi teras keutuhan perpaduan umat Islam.

**Ketiga:** Cakna dan mengambil berat mengenai hak asasi manusia. Di Palestin, pelanggaran hak asasi manusia berlaku secara keterlaluan, dilakukan melalui rampasan tanah, pemusnahan prasarana dan kemudahan awam, serta pembunuhan orang awam termasuk warga tua, wanita dan kanak-kanak. Malaysia hendaklah mengambil pengajaran daripada penderitaan rakyat Palestin untuk lebih cakna terhadap hak asasi manusia, disusul mengatur langkah bagi memastikan keadilan sosial terjamin bagi semua lapisan masyarakat.

**Keempat:** Dari sudut ekonomi, Palestin menjadi contoh bagaimana penindasan ekonomi digunakan sebagai alat untuk melemahkan sesuatu bangsa. Rakyat Palestin dikenakan sekatan ekonomi yang menyebabkan kesukaran hidup, pengangguran tinggi dan kekurangan sumber asas. Penderitaan rakyat Palestin hendaklah dijadikan iktibar ke arah memupuk semangat perpaduan ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia untuk membantu golongan yang terpinggir dan golongan yang berada dalam keadaan yang tertinggal ketika ini.

**Kelima:** Memartabatkan pendidikan. Walaupun berdepan pelbagai sekatan, rakyat Palestin sangat menitikberatkan pendidikan sebagai usaha untuk memajukan masyarakat mereka. Pendidikan hendaklah dijadikan medan untuk negara Malaysia meningkatkan kesedaran generasi muda di negara ini tentang erti pembangunan, kemajuan, perpaduan, keadilan, nilai moral dan kemanusiaan dan nikmat berada dalam sebuah negara yang merdeka, aman lagi makmur.



**Keenam:** Pengaruh media terutamanya media barat yang berada di bawah pengaruh Zionis Israel yang sering memutarbelitkan fakta memberikan gambaran buruk terhadap umat Islam di bumi Palestin, bertujuan melemahkan sokongan dunia terhadap Palestin. Penyebaran maklumat palsu, apatah lagi penyebaran reka cipta fitnah boleh memecahbelahkan masyarakat. Rakyat di negara ini perlu menjadikan pengajaran untuk memastikan hanya maklumat yang benar dan sahih disebar, di samping memulaukan sumber berita palsu, di sebaliknya memperkukuh sokongan kepada media yang menyampaikan berita yang benar, sahih dan tepat.

**Ketujuh:** Penderitaan rakyat Palestin melibatkan soal kemanusiaan yang memerlukan sokongan dan solidariti menyeluruh tanpa mengira latar belakang politik. Memanipulasi isu Palestin untuk mendapat laba politik hanya akan memburukkan keadaan dan mengalih perhatian daripada keperluan sebenar untuk mencapai penyelesaian yang adil dan damai. Oleh itu, semua pihak perlu bersatu atas dasar kemanusiaan untuk menyokong hak-hak rakyat Palestin.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah Ya Rabbal Alamin!**, teguhkan hati kami untuk istiqamah menunaikan solat. Kurniai kami sifat khusyuk ketika melaksanakan solat; dan dorong kami untuk bersolat secara berjemaah agar meningkatkan silaturahim sesama anggota keluarga dan jiran tetangga. Sempena peristiwa Israk dan Mikraj, kurnai ketabahan kepada hamba-hamba Mu yang ikhlas berjuang membebaskan Masjid al-Aqsa daripada cengkaman musuh Mu.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.